



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

DI

**MAJLIS PRA PELANCARAN
FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2019
(FIM 2019)**

PADA

29 JANUARI 2019

TEMPAT

DEWAN SERBAGUNA KPDNHEP

***Terima kasih Saudara/Saudari
Pengacara Majlis,***

Salam Sejahtera,

Salutasi

- 1.** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada hadirin yang dihormati sekalian kerana dapat hadir bersama - sama di Majlis Pra Pelancaran Franchise International Malaysia (FIM) pada hari ini. Saya juga berasa bersyukur kerana dapat bersama – sama hadirin sekalian dalam majlis yang

diadakan ini. Saya turut dimaklumkan bahawa hadirin sekalian telah dibekalkan dengan beberapa maklumat terutamanya berkenaan perancangan dan aktiviti Bahagian Pembangunan Francais, dan visi dan hala tuju kementerian dalam membangunkan dan menambah baik industri ini bagi tahun 2019 sebentar tadi. Saya berharap agar ini agar sesi tersebut berjaya mencapai matlamatnya dalam menerapkan maklumat, berkongsi dan platfom bagi percambahan idea agar dapat memperkasakan industri ini.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

2. Program FIM 2019 ini merupakan salah satu aktiviti utama Persatuan Francais Malaysia (MFA) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sejak 24 tahun yang lalu.

3. FIM 2019 merupakan program tahunan francais terbesar di Asia Tenggara anjuran MFA dengan kerjasama KPDNHEP. Untuk makluman hadirin sekalian, tahun

ini juga merupakan ulangtahun ke - 26 semenjak FIM yang pertama diadakan pada tahun 1993. FIM mengumpulkan para usahawan, ahli akademik, perunding, dan bakal usahawan francais dari dalam dan luar negara. FIM 2018 yang lalu telah berjaya menghasilkan pelaburan langsung sebanyak RM410 juta.

- 4.** Disasarkan FIM 2019 bakal dikunjungi oleh lebih kurang 12 ribu pengunjung dan merupakan satu-satunya pameran francais di Malaysia yang disokong penuh penganjurannya oleh World

Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

- 5.** Bagi memastikan penganjuran FIM terus memenuhi kehendak industri francais semasa, lokasi penganjuran FIM 2019 akan diadakan di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dijangkakan akan menarik lebih ramai penyertaan pempamer pengunjung serta

peserta persidangan antarabangsa. FIM 2019 dijangkakan akan menarik seramai 12,000 orang pengunjung 147 pempameyang terdiri daripada francaisor dan usahawan PKS, serta 300 peserta persidangan dari dalam dan luar negara.

- 6.** Kementerian melihat penganjuran FIM 2019 ini dapat menyokong usaha kerajaan untuk membangunkan lebih ramai penggiat francais, seterusnya mendukung usaha berterusan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab francais di

Asia Tenggara menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional.

- 7.** Selain membantu Malaysia yang sedang mencari konsep francais baharu, yang lebih menarik dan inovatif membangunkan industri francais tempatan, Kementerian dan MFA juga mengalu-alukan francais luar negara menawarkan konsep perniagaan mereka kepada rakyat Malaysia. Melalui FIM 2019 ini usahawan francais tempatan dapat mempelajari dan berkolaborasi dengan usahawan

francais luar negara. FIM 2019 bertindak sebagai platform untuk mempertemukan para penggiat francais dari seluruh dunia untuk berkongsi pengalaman, idea dan pengetahuan terkini bagi menyemarakkan lagi pembangunan industri francais Malaysia.

- 8.** Selain pameran jenama-jenama francais kepada pengunjung, FIM 2019 turut menganjurkan persidangan antarabangsa, Pemadanan Perniagaan Francais, In-Buying Mission, promosi produk-produk jenama francais dan bakal francais. FIM 2019 akan

memperkenalkan jenama-jenama francais tempatan yang sedang berkembang pesat untuk memberi peluang kepada bakal-bakal usahawan tempatan. Industri francais negara semakin menunjukkan perkembangan positif dengan bertapaknya 65 jenama francais tempatan yang berjaya mengembangkan perniagaan mereka ke 66 buah negara. Sehingga kini sudah sebanyak 875 jenama yang telah berdaftar dengan Kementerian.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

9. Franchise International Malaysia (FIM 2019) ini telah memperlihatkan keberkesanannya melalui jenama tempatan kita yang telah pun berkembang ke luar negara. Jenama tempatan kita seperti Marrybrown, Daily Fresh dan Smart Reader berjaya memperoleh francais mereka dari luar negara hasil dari rundingan melalui pameran ini. Francaisi Induk yang telah bertapak di Malaysia seperti Gloria Jean's Coffees dan Eye Level juga telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka dengan

memperolehi francais melalui penyertaan mereka di FIM. Selain itu, pameran sebegini dapat mengetengahkan kelebihan sistem francais melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang pameran berlangsung.

10. Dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai Hub Francais Serantau, FIM 2019 juga turut mengumpulkan penggiat francais jenama luar negara yang ingin mengembangkan perniagaan francais mereka di rantau ASEAN ini. Dengan adanya penganjuran FIM ini, ia pasti juga secara tidak

lansung menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2018 industri francais telah menyumbang sebanyak RM27.89bil kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

11. Dikesempatan ini, saya menyeru kepada semua lapisan masyarakat Malaysia untuk mengunjungi pameran dan persidangan FIM 2019 untuk mendapatkan maklumat dan infomasi terkini

industri francais. Rebutlah peluang keemasan ini untuk bertemu dengan lebih 100 jenama francais tempatan dan antarabangsa serta mengenal pasti kaedah atau cara untuk mentransformasikan perniagaan sedia ada kepada konsep perniagaan francais.

12. Akhir kata, saya sekali lagi ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin kerana sudi hadir memeriahkan majlis kita pada hari ini. Dengan ini saya melancarkan pra pelancaran FIM 2019.

Sekian, terima kasih.